

JOBTIME: APLIKASI MUDAH ALIH PENCARIAN KERJA SAMBILAN UNTUK PELAJAR UNIVERSITI

CHEAH YI JO
PROF. DR. SHAHRUL AZMAN MOHD NOAH

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Bekerja sambil belajar semasa melanjutkan pelajaran di universiti adalah sesuatu yang mencabar, tetapi hal ini juga sama penting bagi pelajar untuk mencari rezeki. Hal ini disebabkan amaun pinjaman pendidikan yang banyak dan peningkatan kos sara hidup. Kecekapan dalam proses memohon kerja sambilan adalah rendah kerana kekurangan platform untuk pelajar dan majikan. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan soal selidik untuk mengumpul maklumat tentang kesukaran mencari kerja sambilan dan solusi yang dicadang. Keseluruhan responden mempunyai persetujuan yang tinggi terhadap masalah yang dihadapi dan bersetuju dengan solusi yang dicadang. Oleh itu, projek ini mencadangkan supaya sebuah aplikasi mudah alih dibangunkan untuk membantu pelajar universiti dan majikan dalam membuat permohonan dan pengrekatan kerja sambilan. Sistem ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan proses ini. Selain itu, sistem ini juga dapat membantu majikan dalam memilih pemohon yang tepat dan memperkuat keyakinannya terhadap pemohon pekerjaan sambilan. Sistem ini dibangunkan dengan penggunaan alatan perisian seperti Android Studio dan MySQL. Metodologi yang dipilih sebagai panduan dalam pembangunan projek ini ialah model air terjun kerana aktiviti yang dibuat adalah mengikut urutan. Pengguna sistem ini terdiri daripada pelajar universiti dan majikan pekerjaan sambilan. Bagi majikan, mereka boleh memaparkan jawatan kosong kerja sambilannya dan menghantar penawaran kepada pelajar universiti yang sesuai. Manakala, pelajar universiti boleh mencari dan memohon kerja sambilan yang dipaparkan dan menghantar permohonan kepada jawatan yang berminat.

1 PENGENALAN

Pemerhatian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar universiti cenderung untuk bekerja dalam industri seperti peruncitan, industri perkhidmatan, dan restoran di mana permintaan untuk buruh sentiasa ada. Majikan dari industri ini sering memerlukan buruh yang murah dan fleksible, manakala pelajar universiti yang ingin mencari pekerjaan sambilan memenuhi keperluan ini.

Pekerja sambilan ditafsir sebagai seorang yang bekerja lebih sedikit jam setiap minggu berbanding dengan pekerjaan sepenuh masa. Dewasa ini, peluang untuk bekerja sebagai pekerja sambilan semakin banyak kerana jawatan-jawatan yang disiarkan tidak memerlukan kemahiran atau profesion dalam bidang yang tertentu. Antara contoh kerja sambilan yang sesuai untuk pelajar universiti ialah pembantu perpustakaan, pelayan, barista, tutor rumah, pembantu runcit dan sebagainya.

Dengan kemajuan dalam teknologi dan pertumbuhan penggunaan internet, e-rekrutmen telah merevolusikan cara organisasi mengambil pekerja dan cara calon mencari pekerjaan. Dengan menggunakan platform yang disediakan, proses pengambilan dapat dipercepatkan pada setiap peringkat iaitu daripada permohonan, pemaparan jawatan sehingga ke

penerimaan calon. Tambahan pula, Kos mencari ataupun menyiarkan pekerjaan adalah lebih kurang berbanding cara pengiklanan tradisional.

2 PENYATAAN MASALAH

Pada masa kini, ramai pelajar universiti bermula mencari peluang kerja sambilan bagi menampung kos sara hidup sendiri kerana kesesakan ekonomi. Oleh itu, jumlah pemohon kerja sambilan semakin meningkat dan mengakibatkan persaingan yang hebat berlaku antara pelajar universiti. Selain itu, kecekapan dalam proses memohon kerja sambilan adalah amat rendah kerana kekurangan platform mudah alih untuk pelajar dan majikan. Maklumat pemohon juga sukar diperolehi kerana tidak dapat membuat semakan resume atau CV pemohon dahulu. Hal ini mengakibatkan majikan juga sukar untuk merekrut pemohon yang tepat untuk pekerjaan sambilan yang ditawarkan dan mengambil masa yang lama.

Tambahan pula, walaupun terdapat beberapa aplikasi berasaskan web yang boleh dilayari, sistem-sistem ini tidak menyediakan spesifikasi kerja yang cukup teliti dan menyebabkan pencari kerja kurang faham terhadap keperluan pekerjaan itu seperti lokasi pekerjaan dan tempoh pekerjaan. Di samping itu, sistem yang berasaskan web apabila digunakan dalam telefon pintar, pengguna akan menghadapi masalah seperti tidak efisien dan tidak mersa pengguna. Masa yang banyak juga akan terbazir sekiranya mencari pekerjaan melalui laman sesawang di mana kebiasaannya ia tidak memberi maklumat pekerjaan yang tepat.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menyediakan sebuah platform kepada pelajar universiti untuk mencari kerja sambilan.

- i. Menyediakan sebuah platform mudah alih untuk pelajar universiti dan majikan dalam membuat permohonan dan pengrekatan kerja sambilan.
- ii. Meningkatkan kecekapan proses permohonan dan pengrekatan.
- iii. Memperkuatkan keyakinan majikan terhadap pemohon pekerja sambilan.

4 METODOLOGI KAJIAN

Proses pembangunan projek ini dilaksanakan berdasarkan Model Air Terjun. Model Air Terjun merupakan metodologi formal dan logik yang digunakan untuk menggambarkan setiap proses dalam pembinaan, pembangunan sistem maklumat dengan cara berstruktur dan

berperingkat. Metodologi ini terdiri daripada 5 fasa iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa implementasi dan fasa pengujian.

4.1 Fasa Perancangan

Dalam fasa ini, masalah dan tujuan membangunkan projek akan dikenalpasti. Oleh itu, fasa ini merupakan fasa yang amat penting untuk memberi konsep keseluruhan projek ini. Proses pelaksanaan pembangunan system akan berjalan dengan lebih lancar kerana objektif yang jelas telah ditentukan dalam fasa ini. Bagi perancangan untuk aplikasi JobTime, semua maklumat yang diharuskan akan dikumpul melalui penyelidikan, perancangan fikiran dan pemerhatian.

4.2 Fasa Analisis

Fasa analisis amat penting bagi projek yang dibangun untuk mencapai matlamat utama dan objektif bagi sesuatu projek. Kajian kesusasteraan juga dilakukan untuk membuat analisis tentang maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aplikasi ini supaya dapat memahami keperluan dan kehendak pengguna. Selain itu, skop yang berkenaan juga telah dikenalpastikan dalam fasa ini.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Dalam fasa ini, setiap spesifikasi aplikasi akan dibincangkan. Reka bentuk antara muka untuk aplikasi JobTime harus dicipta berdasarkan kajian keperluan. Selain itu, reka bentuk yang diketengahkan adalah reka bentuk seni bina, reka bentuk pangkalan data.

4.4 Fasa Implementasi

Dalam fasa implementasi, aplikasi JobTime akan dibina supaya dapat diguna dan berfungsi baik. Implimentasi pengaturcaraan menggunakan bahasa pengaturcaraan Java. Perkakasan yang digunakan termasuklah komputer riba dengan RAM 8GB. Perisian yang digunakan merangkumi Android Studio, phpMyAdmin digunakan untuk pembangunan aplikasi JobTime.


4.5 Fasa Pengujian

Pada peringkat ini, aplikasi mudah alih yang telah siap bina diuji daripada kegunaan dan keberkesanannya untuk berfungsi dengan objektif yang telah ditentukan. Kesalahan atau ralat yang dikesan semasa pengujian akan diperbaiki supaya pengalaman pengguna tidak dijejas.

5 HASIL KAJIAN


Perisian yang digunakan untuk proses pembangunan adalah Android Studio dan bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah Java. Manakala untuk menyimpan data, pangkalan data yang digunakan adalah MySQL menggunakan server phpMyAdmin.

Untuk menggunakan aplikasi ini, pengguna perlulah memilih untuk log masuk atau membuat pendaftaran baharu dalam antaramuka penambat. Untuk pendaftaran pengguna boleh menekan butang 'REGISTER' dan mendaftar dengan mengisi nama, emel, kata laluan dan memilih jenis pengguna. Satu kod OTP akan dihantar ke emel yang didaftarkan untuk memastikan emel yang diguna adalah sah. Akaun baru akan dicipta sekiranya emel telah disahkan. Rajah 1.0 menunjukkan antaramuka penambat dan pendaftaran.




Rajah 1 Antara muka pendaftaran *Student*

Rajah 2 menunjukkan antaramuka Log Masuk. Bagi pengguna yang telah mempunyai akaun dalam sistem, mereka boleh logmasuk akaun dengan mengisi emel, katalaluan yang betul dan memilih jenis pengguna. Sekiranya pengguna terlupa kata laluan, mereka boleh menekan butang 'Forgot password' untuk mengemaskini katalaluan.




Rajah 2 Antara muka log masuk

Rajah 3 menunjukkan antaramuka majikan. Majikan boleh memilih fungsi-fungsi seperti melihat profil, memapar pekerjaan, melihat pekerjaan yang telah dipapar. Selain itu, majikan boleh menekan butang 'like' untuk menyimpan profil yang berminat dalam 'shortlisted student'. Pengguna juga boleh memilih untuk log keluar.




Rajah 3 Antara muka Bar Menu dan Laman Utama majikan

Rajah 4 menunjukkan fungsi memapar pekerjaan, majikan perlulah mengisi semua maklumat dan memilih lokasi melalui Google Map. Selepas itu, mereka boleh mengemaskini maklumat ataupun memadam paparan kerja ini sekiranya majikan telah berjaya merekrut pekerja.




Rajah 4 Antara muka memapar pekerjaan

Untuk melihat senarai pemohon, majikan boleh menekan butang 'Check Applied Student List'. Majikan boleh membaca resume dan melihat profil pemohon. Majikan boleh menerima permohonan tersebut dengan menekan butang 'Approve Job Request'. Rajah 4.18 menunjukkan senarai pekerjaan, senarai dan profil pelajar yang memohon.




Rajah 5 Antara muka senarai pekerjaan, senarai dan profil pelajar yang memohon.

Rajah 6 menunjukkan laman utama bagi pelajar universiti. Mereka boleh mencari pekerjaan yang dipaparkan atau mencari dalam bar carian. Semua butiran dan lokasi pekerjaan melalui Google Maps. Sekiranya mereka ingin memohon sesuatu pekerjaan, mereka perlu memuat naik fail resume dan tekan butang 'Apply'.



Rajah 6 Laman utama bagi pelajar universiti dan Antara muka memohon
Rajah 4.7 menunjukkan antaramuka pelajar mengenai status permohonan. Terdapat tiga bahagian iaitu permintaan daripada majikan, permohonan yang dihantar dan permohonan yang telah lulus.



Rajah 7 Antaramuka mengenai status permohonan

6 KESIMPULAN

Keseluruhannya, aplikasi ini telah berjaya mencapai kesemua objektif kajian seperti yang dinyatakan. Aplikasi mudah alih Job Time mempunyai kebaikan dalam pelbagai domain. Sistem ini merupakan sebuah aplikasi yang berasaskan teknologi mudah alih mudah dicapai oleh penggunaanya sentiasa. Kemudahan pencapaian ini dapat menggalakkan lebih pengguna menggunakan aplikasi mudah alih ini lalu mendapat peluang pekerjaan terkini sebagai calon pekerja walaupun sebagai seprang pelajar.

7 RUJUKAN

- Piercy, C. W., & Lee, S. K. (2019). A typology of job search sources: Exploring the changing nature of job search networks. *New Media & Society*, 21(6), 1173-1191.
- Suvankulov, F., Lau, M.C.K. and Chau, F.H.C., 2012. Job search on the internet and its outcome. *Internet Research*. Pp.298-300
- Fountain, C., 2005. Finding a job in the internet age. *Social Forces*, 83(3), pp.1235-1262.
- S. Curtis and R. Lucas, 2001. A coincidence of needs? Employers and full-time students, *Employee Relations*, vol. 23, pp. 38-54
- Lin, M.C. and Ching, G.S., 2014. College student'employability: Implications of part time job during college years. *Advances in public, environmental and occupational health*, 4, pp.1-6.